



**PERUTUSAN TAHUN BARU 2016  
KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**



BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia-Nya kita berpeluang meraikan tahun 2016.

Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan kepimpinan Pengurusan Tertinggi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMPM) yang lalu atas kepimpinan dan sumbangan semasa menerajui PKPMPM.

Syabas dan tahniah juga saya ucapkan kepada seluruh warga PKPMPM yang telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan sepanjang tahun 2015 dengan cemerlang.

Harapan saya semoga setiap individu dari semua peringkat dapat meneruskan usaha murni untuk mempertingkatkan lagi kecemerlangan PKPMPM dengan memperkasakan semangat kerja berpasukan sesama kita supaya dapat menghasilkan kerja yang berkualiti, kreatif, inovatif demi mencapai Visi dan Misi PKPMPM.

Akhir kata saya mengucapkan SELAMAT TAHUN BARU 2016 kepada semua warga PKPMPM dan selamat maju jaya.

Sekian, Wassalam.

**DATIN LATIFAH BINTI MOHD TAHAR**  
Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia